



Pegawai tertinggi UniSZA bersama penyumbang zakat pada majlis itu.

UniSZA sasar sumbangan zakat RM1.5j

GONG BADAK - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui Pejabat Waqaf dan Infaq mensasarkan sumbangan zakat berjumlah RM1.5 juta daripada pelbagai pihak tahun ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A. Latif berkata, tahun lalu hampir RM1 juta sumbangan zakat yang diterima universiti itu berjaya diagihkan dalam pelbagai bentuk kepada 883 penuntut yang layak.

"Secara keseluruhan kita menerima sebanyak 894 permohonan daripada penuntut dan daripada jumlah itu seramai 883 memperoleh bantuan zakat selepas melalui beberapa fasa temu duga.

"Ia meliputi program derma siswa,

bantuan komputer riba, bantuan bayaran tuisyen dan elaun penginapan, kemudahan biasiswa, bantuan modal perniagaan, insentif hafazan dan program makan percuma," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Sumbangan Waqaf dan Penghargaan Penyumbang Zakat di UniSZA Kampus Gong Badak, kelmarin.

Beliau berkata, universiti itu juga turut mensasarkan sumbangan zakat daripada pihak persendirian berjumlah lebih RM100,000 pada tahun ini.

"Penerimaan zakat daripada pihak persendirian ini masih lagi kurang dan kita harap selepas ini lebih ramai yang akan menyumbang demi pembangunan pendidikan," katanya.